

Kerajaan Perpaduan perlu segera meterai persefahaman 5 tahun

BH - 12/12/2022 m/s: 3

Sokongan wajar dibuat secara hitam putih elak pentadbiran Anwar runtuh

Oleh Irwan Shafrizan Ismail dan Amir Abd Hamid
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Perjanjian persefahaman secara hitam putih yang turut menyatakan jangka masa sokongan gabungan parti politik kepada Kerajaan Perpaduan, perlu disegerakan bagi mengelak sebarang situasi 'kegentingan' kepada kerajaan.

Felo Kanan Akademi Penyelidikan Strategik Nusantara (NASR), Dr Azmi Hassan, berkata adanya perjanjian itu, ia memberi isyarat sokongan kukuh kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam menstabilkan kerajaan dan negara.

"Keputusan UMNO dan BN adalah pragmatik, menepati titah Yang di-Pertuan Agong supaya bersama-sama membantu apa jua kerajaan yang dibentuk ketika ini dan BN mengambil keputusan bersama-sama dengan PH

"Jadi, itu adalah keputusan yang harus dihormati kerana BN

yang mempunyai 30 kerusi itu, walaupun sedikit berbanding parti lain, tetapi dikatakan sebagai penentu blok manakah yang akan membentuk kerajaan.

"Bagi saya, memang betul sokongan BN terutama sekali parti komponen lain perlu diberikan kepada Anwar, namun jangka masa sokongan itu perlu dinyatakan secara hitam putih... dua tahun, tiga tahun, empat tahun ataupun lima tahun kerana tanpa janji ini (kemungkinan) maksudnya kerajaan ini akan runtuh pada bila-bila masa," katanya kepada BH semalam.

Beliau berkata, kegentingan itu akan sentiasa ada, jadi perlu dielakkan supaya Perdana Menteri dapat menumpukan perhatian yang sepatutnya dalam memastikan kerajaan melaksanakan tanggungjawab.

"Jadi, itu pentingnya jangka masa kerana memberi jaminan jangka masa ini bukan sesuatu yang pelik.

"Contohnya ketika ini kita lihat kerajaan Kanada pimpinan Perdana Menteri, Justin Trudeau, yang mana parti Liberalnya memasuki penggal kedua menjadi kerajaan minoriti, tetapi masih dapat bertahan.

"Ini kerana pembangkang memberi jaminan mereka akan menyokong parti sekarang sehingga 2025, ada jangka masa tiga tahun supaya kerajaan pimpinan Trudeau dapat melaksana tugasnya.

"Jadi, sama juga dalam hal ini

“Bagi saya, memang betul sokongan BN terutama sekali parti komponen lain perlu diberikan kepada Anwar, namun jangka masa sokongan itu perlu dinyatakan secara hitam putih”

Azmi Hassan,
Felo Kanan NASR



(sokongan kepada Kerajaan Perpaduan), jangka masa itu amat penting sekali," katanya.

Mengenai sama ada peranan MCA dan MIC akan tersisih dengan adanya DAP dalam Kerajaan Perpaduan, Azmi berkata, ketika ini adalah masa terbaik dua komponen BN itu untuk memberi persepsi bahawa mereka juga mampu menjaga kepentingan masyarakat Cina atau India.

"Dalam hal ini, gunalah kesempatan ini, jangan merajuk umpamanya tidak mahu menerima lantikan menteri dan timbalan menteri dalam Kabinet, itu adalah budi bicara Presiden PKR

yang juga Perdana Menteri.

"BN mungkin tidak mengemukakan senarai calon daripada MCA, MIC, tetapi itu adalah hakikatnya, gunakan sebagai dalam blok kerajaan ini untuk menyatakan mereka boleh mendapatkan keyakinan orang Cina seperti DAP.. buktikan mereka boleh menjadi kuat seperti DAP dalam blok PH," katanya.

Sesuai politik masa depan

Penganalisis politik dari Universiti Malaya (UM), Prof Madya Dr Awang Azman Awang Pawi, berkata pilihan UMNO dan BN yang perlu meneroka jajaran baharu kerana mahu bergerak ke hadapan sesuai dengan landskap politik masa depan.

"Sekiranya UMNO dan BN tidak menerokai jajaran baharu yang kekal maka masa depan BN, UMNO pada Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16) akan seperti PRU15, mereka akan hilang kekuasaan politik," katanya.

Beliau berkata, dua komponen dalam BN, iaitu MCA dan MIC pula perlu untuk memikirkan jalan terbaik untuk memastikan mereka tidak terlalu bergantung undi Melayu UMNO untuk menang pilihan raya seperti selama ini.

"Selama ini MCA, MIC sangat terlalu bergantung undi Melayu UMNO. Parti komponen itu perlu lebih fokus untuk menarik undi Cina dan India untuk memastikan terus relevan termasuk dalam menuju PRU16," katanya.

Pada Isnin lalu, Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, menyatakan satu perjanjian gabungan membabitkan parti dalam kerajaan akan ditandatangani dalam masa terdekat.

Katanya, beberapa siri perbincangan mengenai perjanjian itu sudah diadakan.

Dalam kenyataan berasingan, Timbalan Presiden PKR, Rafizi Ramli memberitahu perjanjian itu bakal ditandatangani bersama pada minggu hadapan, membabitkan PH, BN serta parti dari Sabah dan Sarawak.

Sementara itu, penganalisis politik Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain, berkata pentadbiran kerajaan di bawah kepimpinan Anwar kini perlu bekerja pantas selepas pembentukan Kabinet disempurnakan.

"Kurangkan politik, tentukan apa dasar dan polisi yang boleh membantu serta meringankan beban rakyat. Kerajaan sekarang perlu sedar, mereka perlu punyai mentaliti sebagai kerajaan dan bukan lagi bersikap sebagai pembangkang.

"Walaupun sering diasak Perikatan Nasional (PN) selaku pembangkang, namun sebagai kerajaan yang diberikan amanah mentadbir Malaysia, Anwar dan pimpinannya tidak boleh hilang fokus mentadbir negara dengan berkesan," katanya.